

# TIGER BALM®SOFT

Cajuput Oil/ Camphor/ Menthol/ Clove Oil (13% w/w / 12% w/w / 10% w/w / 1.5% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Tiger Balm Soft*
2. Bagaimana *Tiger Balm Soft* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Tiger Balm Soft*
4. Cara menggunakan *Tiger Balm Soft*
5. Semasa menggunakan *Tiger Balm Soft*
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Tiger Balm Soft*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Tiger Balm Soft*

Memberi kelegaan sementara untuk sakit otot, kesakitan dan terseliuh.

## Bagaimana *Tiger Balm Soft* berfungsi

Mempunyai kesan dingin kepanasan, analgesik dan kesan anestetik biasa. Apabila urut perlahan-lahan pada kulit, kesan sejuk dirasai pada mulanya diikuti dengan rasa hangat. Rasa hangat boleh bertahan selama tempoh beberapa jam.

## Sebelum menggunakan *Tiger Balm Soft*

**Bila tidak boleh menggunakannya**  
Individu yang diketahui atau disyaki tidak toleransi terhadap mana-mana bahan ubat itu.

**Sebelum mula menggunakannya**  
Boleh menyebabkan kesan alergi pada kulit sensitif. Sebelum menggunakan, cuba pada permukaan kulit yang lebih kecil terlebih dahulu.

## -Jika mengambil ubat-ubat lain

Tidak berkaitan. Untuk kegunaan luaran sahaja, bukan untuk dimakan.

## **Cara menggunakan *Tiger Balm Soft***

### -Berapa banyak harus digunakan

Gunakan hanya secukupnya pada bahagian yang terjejas.

### -Bila perlu digunakan

Gunakan apabila mengalami sakit otot dan terseliuh.

### -Berapa lama perlu digunakan

Disyorkan untuk digunakan beberapa kali sehari.

### -Jika terlupa menggunakan

Runding dengan doktor mengenai apa yang anda perlu lakukan jika terlupa menggunakannya. Anda mungkin akan terus mengalami simptom ketidakselesaan yang tersenarai.

## -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau sesiapa yang terlebih menggunakan ubat ini secara berlebihan atau tertelan secara tidak sengaja, berunding dengan doktor secepat mungkin atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital berdekatan. Lakukan sedemikian walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan lanjut.

## **Semasa menggunakan *Tiger Balm Soft***

### -Perkara yang perlu dilakukan

Sapukan pada bahagian yang sakit perlahan-lahan sehingga diserap sepenuhnya. Wanita mengandung dan wanita yang menyusu mesti berunding dengan doktor sebelum menggunakan.

## -Perkara yang tidak boleh lakukan

- Jangan sapukan *Tiger Balm Soft* pada luka terbuka atau kulit yang mengalami iritasi.
- Jangan balut dengan ketat.
- Camphor boleh menyebabkan sawan. Jangan gunakan pada kanak-kanak bawah 2 tahun.

## -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Individu yang diketahui atau disyaki tidak toleransi terhadap kesan dingin kepanasan hendaklah berhati-hati menggunakan ubat ini.
- Wanita mengandung dan wanita yang menyusu mesti berunding dengan doktor sebelum menggunakan.
- Langkah berhati - hati perlu diambil semasa merawat kanak-kanak.
- Elakkan sentuhan secara langsung dengan hidung, mata, selaput lendir atau bahagian badan yang lembut.
- Berhenti gunakan jika berlaku iritasi pada kulit.
- Untuk kegunaan luaran sahaja. Jauhi dari kanak-kanak.

## Kesan-kesan Sampingan

Boleh menyebabkan tindak balas alergi bagi sesetengah individu yang mempunyai kulit sensitif.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550, atau laman web <http://www.npra.moh.gov.my> (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*)

## Cara Penyimpanan dan Pelupusan *Tiger Balm Soft*

### -Penyimpanan

Ia adalah disyorkan untuk menyimpan *Tiger Balm Soft* di bawah suhu 30°C. Guna dalam jangka masa 3 tahun dari tarikh dibuat.

**-Pelupusan**

Ubat tidak boleh dilupuskan ke saluran air. Dapatkan nasihat ahli farmasi anda mengenai cara pelupusan jika ubat tidak diperlukan lagi.

**Maklumat Lanjut**

**-Rupa dan warna produk**

Salap yang berwarna kuning pucat dengan sifat bau.

**-Bahan-bahan kandungan**

Bahan aktif:

Cajuput Oil, Camphor, Menthol, Clove Oil.

Bahan tidak aktif:

Paraffin, Petrolatum, Fragrance.

**-Nombor MAL**

1. MAL20014398X
2. MAL06071149XS

**Pengilang**

1. Tiger Balm (M) Sdn.Bhd,PLO 95,  
No. 6, Jalan Firma 1/1,  
Tebrau Industrial Estate,  
81100 Johor Bahru, Malaysia.
2. Haw Par Healthcare Ltd.,  
2,Chia Ping RD, Haw Par Tiger  
Balm Building, Singapore 619968.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Tiger Balm (M) Sdn.Bhd,  
PLO 95, No. 6, Jalan Firma 1/1,  
Tebrau Industrial Estate,  
81100 Johor Bahru, Malaysia.

**Tarikh Kemaskini RiMUP**

15/03/2018